



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

**SYARAT-SYARAT LESEN EKSPORT IKAN BEKU / SEGAR / SEJUK
DI BAWAH BAB 8 (1) AKTA PERIKANAN, PENGGAL 61
CONDITIONS OF FROZEN / FRESH / CHILLED FISH EXPORT LICENCE
UNDER SECTION 8 (1) FISHERIES ACT (CHAPTER 61)**

1. Pengeksport hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam.
The exporter shall be registered with the Department of Fisheries, Ministry of Economy, Trade and Industry, Brunei Darussalam.
2. Pengeksport hendaklah mempunyai lesen eksport ikan beku / segar / sejuk yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam.
The exporter shall have a valid frozen / fresh / chilled fish export license issued by the Department of Fisheries, Ministry of Economy, Trade and Industry, Brunei Darussalam.
3. Pengeksport hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkenaan.
The exporter shall comply with the relevant regulations of the Ministry of Health, Royal Customs and Excise Department, Brunei Darussalam Maritime, Port Authority and the Land Transport Department, Department of Immigration and National Registration and any other applicable written laws.
4. Spesies ikan beku / segar / sejuk yang dieksport hendaklah termasuk di dalam spesies ikan yang disenaraikan oleh pengeksport dalam permohonan lesen eksport ikan beku / segar / sejuk yang telah dibenarkan.
Frozen / fresh / chilled fish species to be exported shall be included in the fish species listed by the exporter in the approved frozen / fresh / chilled fish export licence.
5. Pengeksportan ikan-ikan terkawal hendaklah mempunyai Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) export permit dan Certificate of Origin daripada pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam.
Export of controlled fish shall have Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) export permit and Certificate of Origin from Brunei Darussalam authorities.
6. Pengeksport hendaklah memastikan setiap konsainan dilabel di luar setiap beg pembungkusan atau bekas dengan nama pengeksport dan komoditi.
The exporter shall ensure that each consignment is labeled on the exterior of each packing bag or container with the name of the exporter and the commodity.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

7. Pengeksport hendaklah memastikan konsainan disertakan dengan Sijil Kesihatan (jika diperlukan oleh negara pengimport), Invois, Lesen Eksport Ikan, Senarai Pembungkusan dan Bil Penerbangan atau Bil Muatan.
The exporter must ensure that the consignment is accompanied by a Health Certificate (if required by the importing country), Invoice, Fish Export License, Packing List and Flight Billing or Bill of Lading.
8. Pengeksport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mendapatkan sampel ikan beku / segar / sejuk yang dieksport pada mana-mana jumlah yang munasabah secara percuma bagi tujuan penganalisaan makmal jika diperlukan.
The exporter shall allow the Department of Fisheries to obtain samples of frozen / fresh / chilled fish exported at any reasonable number free of charge for laboratory analysis if necessary.
9. Pengeksport hendaklah memberikan maklumat-maklumat setiap pengeksportan ikan beku / segar / sejuk ke Jabatan Perikanan bagi tujuan rekod simpanan dan rujukan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
The exporter shall provide the details of the export of frozen / fresh / chilled fish to the Fisheries Department for the purpose of record keeping and reference if required by the Department of Fisheries.

Nota :-

Note :-

- "Ikan" bermakna semua spesies ikan bersirip, krustasia dan moluska.
"Fish" means species of fin fish, crustacean and molluscs.
- "Ikan beku / segar / sejuk" termasuk mana-mana produk makanan laut yang mana bahan utamanya adalah dibuat daripada ikan.
"Frozen / fresh / chilled fish" includes any seafood product where the major ingredient is fish.
- Bayaran lesen eksport ikan beku / segar / sejuk adalah B\$20.00 bagi setiap konsainan.
Frozen / fresh / chilled fish export license fee is B\$20.00 per consignment.
- Permohonan dan pembayaran lesen eksport ikan beku / segar / sejuk hendaklah melalui sistem Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW) (bdnsw.gov.bn) dengan menyertakan Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Negara Brunei Darussalam (jika diperlukan oleh negara pengimport) .
Application and payment of frozen / fresh / chilled fish export license shall be through the Brunei Darussalam National Single Window system (BDNSW) (bdnsw.gov.bn) with the Health Certificate issued by the Competent Authority of Brunei Darussalam (if required by the importing country).



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

- Setiap lesen eksport ikan beku / segar / sejuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan hanya sah bagi satu konsainan dan satu perjalanan sahaja dan akan mansuh selepas 30 hari dari tarikh ianya dikeluarkan.
Every frozen / fresh / chilled fish export license issued by the Department of Fisheries is valid for one consignment and one trip only and shall expire 30 days from the date of issue.
- Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pengeksport hendaklah dalam atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.
All documents submitted by the exporters shall be in or translated into Malay or English.
- Pengarah Perikanan berhak menegah pengeksportan mana-mana spesis ikan atau ikan dari tempat-tempat tertentu mengikut keperluan langkah-langkah biosekuriti.
The Director of Fisheries reserves the right to prohibit the export of any species of fish or fish sourced from certain places in accordance with the requirements of biosecurity measures/conditions.
- Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa boleh menahan atau memeriksa mana-mana konsainan ikan beku / segar / sejuk yang dieksport pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
Authorized Officers may detain or inspect any frozen / fresh / chilled fish consignment exported at any time deemed necessary.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perikanan (Penggag 61) dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
Other conditions are as enforced under the Fisheries Act (Chapter 61) and the Fisheries Regulations.
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak untuk membatalkan lesen eksport ikan beku / segar / sejuk yang telah dikeluarkan.
The Director of Fisheries shall have the right to add or vary these conditions from time to time and shall have the right to revoke the frozen / fresh / chilled fish export license.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
Any changes to these conditions shall be notified from time to time.
- Kegagalan mematuhi Syarat-Syarat Lesen Pengeksportan Ikan adalah merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
Failure to comply with the conditions of the fish export licence is an offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Act (Chapter 61) and upon conviction, the offender shall be liable to a fine not exceeding B\$10,000 or to imprisonment for a term of one (1) year, or to both.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.
I hereby agree with the terms and conditions as stated above.

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Syarikat dan Alamat : _____
Company and Address


No. Kad Pengenalan : _____
Identity card No.

No. Telefon : _____ (pejabat) _____ (hp) _____ (faks)
Telephone No. (office) (mobile phone) (fax)

Emel : _____
Email

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date



=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
FOR ADMINISTRATIVE USE

Pegawai Yang Diberikuasa :
Authorised Officer

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date

